

31 AUG 1997

MERDEKA: PRESIDEN CHINA UTUS UCAPAN TAHNIAH

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Presiden China Jiang Zemin mengutuskan ucapan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar sempena Hari Kebangsaan Malaysia ke-40 hari ini.

Kedutaan China di sini berkata dalam satu kenyataan bahawa Jiang gembira menyaksikan pencapaian Malaysia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial selepas 40 tahun mencapai kemerdekaan.

Beliau berkata sejak bermulanya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara, banyak kemajuan telah dicapai dalam kerjasama dua hala.

Perdana Menteri China Li Peng turut mengutuskan ucapan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Li Peng, yang membuat lawatan rasmi ke sini minggu lepas berkata, beliau yakin bahawa dengan kerjasama antara kedua-dua pihak, lebih banyak kemajuan akan dicapai dalam bidang ekonomi, perdagangan, sains dan teknologi serta kebudayaan.

"Saya turut gembira melihat kejayaan yang telah dicapai oleh negara anda dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial selepas 40 tahun mencapai kemerdekaan," kata beliau kepada Dr Mahathir.

Naib Perdana Menteri China Qian Qichen turut mengutuskan ucapan yang serupa kepada rakan sejawatan beliau Datuk Seri Anwar Ibrahim.

-- BERNAMA

HJ MZ MAI